Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kuala Lumpur, 29 Oktober 2026

Nestlé Malaysia dan Bulan Sabit Merah Malaysia Sediakan 7,000 Pek Bantuan Banjir Sebagai Persiapan Hadapi Musim Monsun

Bekalan bantuan kini dalam perjalanan untuk membantu komuniti yang terjejas di seluruh negara

Nestlé Malaysia dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) sekali lagi berganding bahu pada tahun 2026 bagi menggerakkan penyaluran bantuan banjir berupa bekalan makanan berkhasiat, yang dijangka memanfaatkan sehingga 7,000 keluarga di komuniti berisiko dilanda banjir susulan musim monsun. Sumbangan bantuan ini sedang dalam perjalanan ke Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu, seiring dengan usaha mempergiat persiapan menghadapi kemungkinan banjir. Di Sabah pula, usaha kesiapsiagaan dilaksanakan di peringkat tempatan dengan penglibatan 40 orang sukarelawan daripada operasi Nestlé di Sabah, Harrisons Sabah dan BSMM Sabah, yang berganding tenaga menyediakan 1,000 beg bantuan banjir untuk disalurkan kepada komuniti yang memerlukan di negeri itu.

Inisiatif Bantuan Banjir Seluruh Negara tahunan Nestlé Malaysia ini menandakan tahun keempat berturut-turut kerjasama bersama BSMM, sekali gus memperkukuh keupayaan kedua-dua pihak untuk bertindak pantas dalam menyalurkan bantuan kepada komuniti yang terjejas akibat banjir di seluruh negara. Sejak tahun 2023, kerjasama ini telah menyalurkan bantuan kepada lebih 30,000 keluarga yang terjejas akibat banjir, di samping memperkukuh keupayaan BSMM dalam melaksanakan tindak balas kecemasan, termasuk melalui pembiayaan bagi perolehan kelengkapan BSMM seperti unit ambulans terbaharunya. Sumbangan Nestlé Malaysia bagi usaha bantuan tahun ini, merangkumi sumbangan produk dan sokongan kewangan, dianggarkan bernilai RM1.8 juta.

Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, berkata, “Apabila masyarakat berdepan ancaman banjir, kesiapsiagaan mampu membawa perbezaan yang besar.

Keutamaan kami adalah untuk memastikan bekalan makanan dan minuman yang diperlukan tersedia, dibungkus dan sedia disalurkan dengan segera kepada komuniti terjejas apabila diperlukan. Kerjasama erat dengan Bulan Sabit Merah Malaysia membolehkan kami mengubah persediaan tersebut menjadi tindakan bermakna, dengan memanfaatkan keupayaan bantuan kemanusiaan dan pengalaman mereka di lokasi. Saya amat menghargai komitmen kakitangan kami dan semua sukarelawan yang telah berganding bahu menyediakan 7,000 pek bantuan makanan berkhasiat ini untuk komuniti di seluruh Malaysia."

YTM Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pengerusi Kebangsaan BSMM, berkata, "Usaha menangani bencana banjir bermula jauh sebelum air mula naik. Persediaan awal dengan memastikan bekalan keperluan asas tersedia dan ditempatkan lebih awal membolehkan bantuan kemanusiaan digerakkan dengan lebih berkesan apabila diperlukan oleh komuniti yang terjejas. Kerjasama berterusan kami dengan Nestlé Malaysia memperkukuh tahap kesiapsiagaan ini dengan menggabungkan komitmen para sukarelawan dan jaringan bantuan kemanusiaan BSMM. Usaha tambahan menyediakan beg bantuan di Sabah pada tahun ini turut memperkukuh keupayaan kami untuk menyalurkan bantuan kepada komuniti di negeri itu apabila diperlukan."

Aktiviti pembungkusan di Kuala Lumpur menghimpunkan kakitangan Nestlé Malaysia dan sukarelawan BSMM, bersama wakil daripada Universiti Malaya, Universiti Malaya-Wales dan Yayasan Wakaf. Menerusi kerjasama ini, mereka menyediakan kotak bantuan pemakanan yang mengandungi pilihan produk keperluan asas Nestlé, termasuk MILO, MAGGI, NESCAFÉ, Bijirin Sarapan NESTLÉ Cereals, NESTUM, LACTOGROW dan EVERYDAY.

Aktiviti tersebut turut dihadiri oleh YTM Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Inisiatif ini juga melibatkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan agensi di bawahnya sebagai rakan kerjasama untuk menyokong usaha bantuan banjir pada tahun ini.

Kerjasama ini merupakan sebahagian daripada inisiatif **Nestlé Sayang Komuniti**, yang menggerakkan warga kerja Nestlé untuk menyumbang kepada usaha kemasyarakatan dan kemanusiaan di seluruh Malaysia. Inisiatif ini turut melengkapi kerjasama terbaharu Nestlé Malaysia dengan Yayasan Food Bank Malaysia, yang menyaksikan penyediaan 800 pek bantuan makanan dan pemakanan untuk keluarga di kawasan pedalaman Tumpat dan Jeli, Kelantan, sebagai persiapan menghadapi musim monsun. Secara keseluruhan, seramai 400 orang warga kerja telah berganding bahu menjayakan usaha bantuan tahun ini.

###

Mengenai Nestlé Malaysia: Menjana Khasiat kepada Rakyat Malaysia sejak Lebih Satu Abad

Sejak tahun 1912, Nestlé telah menjana khasiat kepada rakyat Malaysia dan membina kepercayaan mereka melalui jenama dan produk berkualiti kami. Kami menyumbang kepada keselamatan makanan serta kepada kesihatan dan kesejahteraan Rakyat melalui jenama yang dipercayai dan komitmen jangka panjang kepada negara dalam bentuk pelaburan, pekerjaan, dan pelbagai inisiatif yang meningkatkan komuniti tempatan. Hari ini, kami mengendalikan enam kilang, dengan lebih daripada 5,000 pekerja rakyat Malaysia. Kami komited menghasilkan produk yang disahkan halal, berkhasiat, dan berkualiti tinggi dengan kelestarian sebagai teras amalan perniagaan kami – buatan Malaysia, untuk rakyat Malaysia.

Sebagai pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia, dengan ibu pejabat yang berpusat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara. Dengan mempunyai tenaga kerja lebih daripada 270,000 yang berdedikasi, kami didorong oleh matlamat untuk meneroka potensi makanan, meningkatkan kualiti hidup untuk semua, baik hari ini mahupun untuk generasi akan datang. Komitmen kami terhadap nutrisi, kesihatan, dan kesejahteraan membentuk prestasi kami, memastikan kami kekal menunaikan janji, iaitu menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perjalanan kami menjana khasiat rakyat Malaysia lebih seabad, sila layari laman web kami di https://www.Nestlé.com.my/ask-Nestlé/we-are-Nestlé.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar
Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865
E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Nik Wardah atau Yasmin Kadir
acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
+6011-3770 3620 (Wardah) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my